

H.

9 Kakitangan KUKUM Terima Darjah Kebesaran Dan Pingat



Pada 17 Mei 2005 yang lalu seramai 9 orang pegawai dan kakitangan KUKUM telah menerima darjah kebesaran dan pingat bersempena dengan Ulangtahun Hari Keputeraan DYMM Tuanku Raja Perlis Ke-62. DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Pemangku Raja Perlis, telah berkenan mengurniakan darjah dan pingat-pingat tersebut pada Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran / Pingat di Balairung Seri, Istana Arau, Perlis.

Pendahulu senarai penerima darjah kebesaran dan pingat daripada KUKUM ialah Y.Bhg. Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Rektor Akademik & Pengantarabangsaan KUKUM yang dikurniakan Darjah Seri Sirajuddin Perlis (SSP). Tuan Hj. Ayob Ismail, Bendahari KUKUM dan Puan Hjh. Foyziah Ahmad Nasuruddin, Ketua Pustakawan pula masing-masing menerima Darjah Ahli Mahkota Perlis (AMP). Manakala 3 penerima Pingat Mahkota Perlis (PMP), iaitu Prof. Madya Dr. Zuraidah Mohd. Zain, Dekan Pengurusan Akademik & Pengantarabangsaan, Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik serta En. Abdul Rahman Saad, Pengarah Pusat Kejuruteraan. En. Mustaffa Ismail, Pegawai Perhubungan Awam KUKUM dan Pn. Hafizah Mohd. Yusof, dari Jabatan Canselori KUKUM pula telah dikurniakan Pingat Jasa Kebaktian (PJK). Turut berada dalam senarai penerima pingat ialah En. Zulfikar Rajamohan Abdullah, Jabatan HEP KUKUM yang menerima Pingat Jasa Baik (PJB).